



# Buletin **JKR**

Edisi 1/2017



## **FLAG OFF ROCK SHED**

DI LALUAN FT185, SEKSYEN 46 JALAN SIMPANG  
PULAI, BLUE VALLEY PERAK DARUL RIDZUAN



**LAWATAN  
PEMBUKAAN**  
JALAN CHANGKAT JONG  
KE KAMPUNG BANJAR  
DAERAH HILIR PERAK

**ANUGERAH  
HARI INOVASI**  
JKR MALAYSIA 2016





SIDANG EDITOR

*Tinta*  
**PENGARAH  
JKR PERAK**

Assalamulaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.

Syukur ke hadrat ilahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya perkongsian perjalanan JKR Perak berjaya diterbitkan sekali lagi pada tahun 2017 yang gemilang ini. Dibawah pengolahan dan penyusunan isi dan maklumat oleh pihak sidang redaksi yang berdedikasi, buletin ini telah berjaya diterbitkan dengan jayanya.

Buletin JKR Perak edisi kali ini memaparkan perkembangan dan pencapaian yang berjaya diraih. Antaranya kejayaan KIK BKUB meraih "Silver Medal" di pameran inovasi ke 28th International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) melalui produk "Sistem e-Fast". Selain itu, pihak JKR Perak turut mengadakan beberapa kursus seperti Kursus Adobe Photoshop Intermediate, Kursus Rekabentuk dan beberapa kursus lain dalam memantapkan lagi kemahiran warga JKR Perak. Kejayaan dan kemahiran warga JKR Perak adalah aset penggerak JKR Perak untuk terus melangkah ke hadapan.

Akhir kata, semoga pencapaian ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi oleh warga kerja di JKR Perak supaya ditahun 2017 pengisian buletin JKR Perak akan diterbitkan dengan wajah baru dan pengisian yang lebih padat.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Jamilol Nasir Bin Saad**  
Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak.

*Sidang*  
**REDAKSI**

**Penasihat:**

Ir. Abu Bakar Bin Mohamed Said

**Ketua Editor:**

Syed Ridzuan Bin Syed Idris

**Sidang Editor:**

Aniza Binti Adznan

Zatun Najahah Binti Osman Zarina Binti Zamin  
Kamarulzaman Bin Sulaiman Syed Azwan Bin Syed  
Omar Shashaliza Binti Md. Ali Sharul Khairi Bin Saidin  
Mohd Azizi Bin Abdul Rahim

**Jurufoto:**

Mohd Hairi Bin Nordin

*Isi*  
**KANDUNGAN**

<b>Bahagian Korporat</b>	3 - 4
<b>Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan</b>	5 - 6
<b>Bahagian Arkitek</b>	7
<b>Bahagian Kontrak &amp; Ukur Bahan</b>	8
<b>Cawangan Perancangan Aset Bersepadu</b>	9 - 11
<b>Bahagian Jalan</b>	12 - 13
<b>Cawangan Kejuruteraan Mekanikal</b>	14
<b>Penyerahan Projek</b>	15

## BAHAGIAN KORPORAT

# Majlis **FLAG OFF ROCK SHED**

## DI LALUAN FT185, SEKSYEN 46 JALAN SIMPANG PULAI, BLUE VALLEY, PERAK DARUL RIDZUAN

Perasmian Majlis Flag Off Rock Shed juga dikenali sebagai Half Tunnel merupakan jalan utama menghubungkan Seksyen 46 Laluan Persekutuan 185 Jalan Simpang Pulai, Perak - Blue Valley telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin pada 24 Januari 2017.

Turut hadir, Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Negeri Perak, YB Dato' Zainol Fadzi Paharuddin, serta pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan.

Kerja-kerja pembinaan semula cerun ini telah dilaksanakan secara konvesional di mana rekabentuk pemberian cerun ini dibuat secara rekabentuk dalaman oleh jurutera-jurutera Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) dan JKR Daerah Kinta.



## LAWATAN PEMBUKAAN JALAN CHANGKAT JONG KE KAMPUNG BANJAR DAERAH HILIR PERAK

Perasmian pembukaan Jalan Changkat Jong ke Kampung Banjar, Daerah Hilir Perak oleh Y.A.B Menteri Besar Perak, Dato' Seri Diraja Dr. Zamzry Bin Abdul Kadir telah berlangsung dengan jayanya pada 19 April 2017. Majlis tersebut telah dimulai dengan taklimat projek yang telah disampaikan oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Perak, Dato' Haji Jamilol Nasir Bin Saad.

Projek ini merupakan Projek Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) yang telah dirancang pada tahun 2010. Ia merangkumi 3 Fasa. Pembinaan Fasa 1 melibatkan kerja-kerja tambakan dan rawatan tanah termasuk semua kerja perparitan dimana ia telah disiapkan pada 20 April 2011 dengan kos sebanyak RM 7.2 juta. Fasa 2 pula melibatkan kerja-kerja pembinaan sebuah jambatan bersaiz 20m x 40m, pembinaan persimpangan Jalan Changkat Jong dan pembinaan persimpangan Kampung Banjar. Kerja bagi Fasa 2 ini melibatkan kos sebanyak RM 12.7 juta dan telah disiapkan pada tarikh 17 April 2017. Kerja-kerja bagi Fasa 2 ini juga telah berjaya disiapkan lebih awal dari tarikh jangkaan siap iaitu pada 26 April 2017.

Bagi kerja Fasa 3 pula, ia melibatkan pembinaan jalan sepanjang 1.9km bagi menghubungkan persimpangan Jalan Changkat Jong dan jambatan. Kos bagi Fasa 3 tersebut ialah sebanyak RM 2.5 juta dan telah disiapkan pada 12 November 2015. Anggaran jumlah keseluruhan kos bagi ketiga-tiga Fasa diatas adalah sebanyak RM



22.4 juta. Pembinaan projek ini adalah sebagai laluan alternatif dan jalan pintas yang menghubungkan antara laluan FT058 (Jalan Changkat Jong) ke laluan A148 (Jalan Padang Tembak). Pembukaan laluan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan terutama pada waktu puncak bagi trafik yang menghala ke Pekan Teluk Intan.

# GOTONG ROYONG MEGA BERSEPADU **PERANGI AEDES PERINGKAT KEBANGSAAN 2017** JABATAN KERJA RAYA

Projek : Sekolah Kebangsaan Meru Raya, Ipoh Perak



**BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN**



# Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016 JKR PERAK



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 telah berlangsung di Dataran JKR Negeri Perak pada 25 April 2017. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Zainol Fadzi Bin Haji Paharuddin selaku Pengurus Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air kepada 112 orang penerima yang terdiri pelbagai kategori jawatan, skim perkhidmatan serta berkhidmat di bahagian-bahagian dan daerah masing-masing. Kesemua penerima anugerah telah menerima sijil perhargaan beserta Sijil Simpanan Premium yang bernilai RM 1000.00. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBHG. Dato' Abu Bakar Bin Haji Said, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi meraikan majlis tersebut.

## LAWATAN PELUPUSAN ASET KERAJAAN



Lawatan urusetia Pengurusan Aset dan Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Kerajaan bagi memantau keadaan aset alih yang telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi di setiap daerah dan cawangan JKR Negeri Perak. Lawatan ini telah diadakan secara berjadual mengikut lawatan pertama, kedua dan ketiga. Sehingga Jun 2017 lawatan telah dibuat di JKR Cawangan Elektrik, JKR Cawangan Mekanikal, JKR Daerah Hilir Perak, JKR Daerah Hulu Perak, dan JKR Daerah Kuala Kangsar.



**BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN**

# KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD

## JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK

Kursus Pengurusan Fail dan Rekod telah diadakan di Dewan Serbaguna, JKR Cawangan Mekanikal Negeri Perak pada 16 Mei 2017 (Selasa) bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Kursus ini melibatkan 45 peserta daripada setiap Bahagian dan Daerah serta Cawangan JKR Negeri Perak yang terdiri daripada Penolong Jurutera dan Ketua Pembantu Tadbir. Kursus ini mendapat khidmat penceramah daripada Pengarah Jabatan Arkib Negara Negeri Perak iaitu Encik Ladoh Anak Mejus.



## PERHIMPUNAN PAGI



Majlis Perhimpunan Bulanan Warga Kerja JKR Negeri Perak Bil. 1/2017 telah diadakan di Bilik Gerakan Tan Sri Mahfooz Khalid, Tingkat 3, JKR Perak pada 13 Jun 2017. Seramai 150 kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak dari bahagian dan daerah telah menghadiri Perhimpunan Bulanan Warga Kerja JKR Negeri Perak Bil.1/2017. Berikut atur-cara majlis:

- Perutusan YBhg. Dato' Haji Jamilol Nasir Bin Saad, Pengarah Kerja Raya Negeri Perak.
- Informasi Kenaikan Pangkat, Pertukaran Masuk, Pertukaran Bahagian Dan Pertukaran Keluar Pegawai-Pegawai Di Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Bagi Tahun 2017.
- Tayangan Montaj Aktiviti-Aktiviti JKR Perak Sepanjang 2016 Dan 2017.
- Pelancaran EKSA.
- Penyampaian Sijil Penghargaan Juruaudit Dalaman JKR Perak.
- Penyampaian Sijil Anugerah Pekerja Contoh Bagi Bulan Mei 2017:
  - En. Suhaili Bin Suli - Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan.
  - Pn. Shahira Binti Zainal Abidin - Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan.



## BAHAGIAN ARKITEK



## *Kursus* **ADOBE PHOTOSHOP INTERMEDIATE**

- Tenaga pengajar : Farahazliza Hazie binti Abu, Arkitek, Bahagian Arkitek JKR Perak dan En. Mohd. Affizan bin Abd. Rahman, Penolong Pegawai Senibina, Bahagian Arkitek JKR Perak.
- Tempat : Bilik Studio IT, Tingkat 7, JKR Perak

## **LUKISAN 3D YANG DIKELUARKAN OLEH BAHAGIAN ARKITEK**

1. Pembinaan Balai Cerap di Kampung Pasir Panjang, Manjung Perak.
2. 3D Cadangan Masjid Baru Kerian.
3. 3D Cadangan Masjid Baru Kampung Ulu Piol, Manong, Perak Darul Ridzuan.
4. 3D Pejabat Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan.
5. 3D Cadangan Dewan Undangan Negeri Baru, Perak Darul Ridzuan.



## **KUNJUNGAN MESRA BEKAS KAKITANGAN BAHAGIAN ARKITEK KE PEJABAT BARU BAHAGIAN ARKITEK**



**BAHAGIAN KONTRAK  
& UKUR BAHRAN****BENGKEL PENYEDIAAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK) / KELULUSAN PERUBAHAN KERJA (KPK) DAN PELARASAN HARGA KONTRAK (PHK)**

Bengkel Penyediaan APK/KPK dan PHK yang dianjurkan Bahagian Kontrak & Ukur Bahan (BKUB) telah diadakan pada 18 April 2017 bertempat di Bilik Gerakan Tan Sri Mahfuz Tingkat 3, JKR Perak. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan membuka ruang soalan dan perbincangan mengenai isu-isu dalam penyediaan APK/KPK dan PHK. Penceramah jemputan untuk kursus ini adalah Pn. Norazzanena Binti umar, Juruukur Bahan (J41) dari BKUB. Bengkel disertai oleh Kakitangan Teknikal BKUB serta wakil-wakil dari JKR Daerah, JKR Elektrikal dan JKR Mekanikal

**JEMPUTAN KE 28<sup>TH</sup>  
INTERNATIONAL INVENTION &  
INNOVATION EXHIBITION (ITEX)  
DI PUSAT KONVENTSI KUALA LUMPUR (KLCC)**

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan (BKUB) baru - baru ini telah menyertai pameran inovasi yang di anjurkan oleh 28th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) pada 11 – 13 Mei 2017 yang diadakan di KLCC. Kumpulan KIK BKUB mempamer produk bernama "Sistem e-FAST" dimana produk ini telah memenangi Naib Johan Konvensyen KIK peringkat JKR Malaysia pada 2016 dan telah memenangi "Silver Medal" di ITEX tersebut. "e-FAST" adalah produk penyebaran maklumat iklan tender kerja kerja melalui media sosial dan laman web JKR.



CAWANGAN PERANCANGAN  
ASET BERSEPADU

# LAWATAN JKR KEDAH KE **PROJEK PERINTIS KUARTERS PERSEKUTUAN JKR KUALA KANGSAR, KUALA DAL, PERAK**

1 Februari 2017 – Kuarters Persekutuan Kuala Dal, Perak.

Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan dan gambaran kepada Jurutera Fasiliti di setiap daerah JKR Kedah bagi menjalankan projek perintis di daerah masih-masing. Seramai 50 orang yang hadir semasa lawatan termasuk Jurutera Fasiliti Daerah Negeri Perak dan pegawai dari Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR Kedah.



**CAWANGAN PERANCANGAN  
ASET BERSEPADU****BENGKEL PENGISIAN  
BORANG DALAM SISTEM  
PENGURUSAN BERSEPADU  
(SPB) SENGGARAA  
JKR NEGERI PERAK**

9 Mei 2017 – Untuk Aset Jalan Persekutuan  
22 Mei 2017 – Untuk Aset Bangunan Persekutuan

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan pemahaman peserta dalam pengisian borang-borang di dalam SPB agar penyenggaraan aset dapat dilaksanakan dengan lebih strategik dan sistematik di peringkat daerah.

**KURSUS LUKISAN TERUKIR UNTUK  
KUARTERS BASECAMP DI JKR HULU PERAK**

TARIKH : 20-21 FEBRUARI 2017  
TEMPAT : JKR HULU PERAK

Objektif kursus ini adalah bertujuan untuk menerangkan kaedah dan prosedur untuk mengukur, merekod dan mendokumentasikan sesebuah binaan berbentuk lukisan terukir kepada pegawai JKR di setiap daerah.

Kursus ini disampaikan oleh En. Zawawi Bin Mohd Ali dan dibantu oleh En. Basharudin Bin Ahmad Sulaiman dari Bahagian Arkitek JKR Perak. Kursus ini diadakan selama 2 hari di JKR Hulu Perak dan dihadiri seramai 40 orang peserta.



CAWANGAN PERANCANGAN  
ASET BERSEPADU

# KURSUS PENJADUALAN PROJEK JKR NEGERI PERAK SESI 1 TAHUN 2017

TARIKH : 26 - 27 APRIL 2017

MASA : 8.00 - 5.00 PTG

TEMPAT : STUDIO IT, JKR PERAK



## BAHAGIAN JALAN



# INFORMASI JALAN PERSEKUTUAN

### PENGENALAN

Salah satu tugas utama Kementerian Kerja Raya adalah membina dan menyenggara jalan-jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Menteri Kerja Raya Malaysia. Sehingga kini terdapat lebih daripada 19,000 km Jalan Persekutuan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Jalan-jalan ini telah diberi nama laluan masing-masing dan di selenggara oleh KKR melalui konsep penswastaan. Beberapa syarikat konsesi telah di lantik oleh Kerajaan bagi tujuan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang di bahagi mengikut zon-zon tertentu.

### MAKLUMAT-MAKLUMAT JALAN

Jalan-jalan Persekutuan di ketegorikan kepada empat (4) kategori utama, iaitu:-

- Jalan Persekutuan Utama
- Jalan Persekutuan Felda
- Jalan Persekutuan ke Institusi
- Jalan Persekutuan ke kawasan Industri

Kesemua kategori jalan-jalan ini mempunyai sistem penomboran masing-masing yang boleh dilihat pada papan tanda - papan tanda yang tertera di setiap jalan berkenaan.

# INFORMASI JALAN NEGERI

### PENGENALAN

Jalan negeri adalah sistem jalan raya bagi setiap negeri di Malaysia yang dibayai oleh negeri masing-masing melalui Jabatan Kerja Raya negeri masing-masing. Secara umumnya piawaian yang digunakan oleh jalan raya negeri adalah sama seperti laluan persekutuan cuma bezanya ialah laluan negeri dibayai oleh kerajaan negeri. Hanya Sarawak dan Wilayah Persekutuan sahaja yang tiada jalan raya negeri.

Seperti jalan raya persekutuan, jalan raya negeri menggunakan papan tanda berwarna biru dengan tulisan putih dan dikodkan di dalam jata berbentuk

heksagon kuning, cuma bezanya ialah jalan raya negeri dikodkan dengan kod negeri diikuti dengan kod laluan, contohnya Laluan J32 iaitu salah satu contoh jalan raya negeri Johor.

Jika jalan negeri melintasi sempadan negeri, kod negeri bagi jalan tersebut turut bertukar, misalnya seperti laluan A9 / K9 yang menghubungkan Parit Buntar, Perak dengan Bandar Baharu, Kedah di mana pada bahagian Parit Buntar jalan raya tersebut dikodkan se- bagai A9 tetapi setelah memasuki sempadan negeri Kedah, jalan raya tersebut bertukar kodnya kepada K9.

## BAHAGIAN JALAN

# KERJA-KERJA PENYENGGARAAN

Jenis-jenis kerja penyenggaraan untuk kesemua jalan adalah sama. Perkara-perkara yang berkaitan dengan kerja penyenggaraan jalan telah disenaraikan dengan jelas dalam dokumen perjanjian antara pihak Kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi yang telah dilantik.

Antara kerja utama yang dijalankan adalah:-

- Kerja-kerja penyenggaraan rutin;
- Kerja-kerja penyenggaraan berkala; dan Kerja-kerja kecemasan.

Antara kerja-kerja Penyenggaraan Rutin adalah : -  
Menampal pothole;

- Meratakan bahu jalan;
- Memotong rumput;
- Mencuci perabot jalan;
- Mencuci pembetung & jambatan;
- Mencuci longkang; dan
- Pemeriksaan berjadual.

Antara kerja-kerja Penyenggaraan Berkala adalah :

- Kerja-kerja penyenggaraan turapan (pavement); dan
- Kerja-kerja penyenggaraan bukan turapan (non-pavement)

## Kenali Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri

Tahukah anda bagaimana  
**SISTEM PEMBERIAN NOMBOR**  
bagi jalan persekutuan dan jalan negeri  
dilakukan?



**Kategori Dan Nombor Jalan**

KATEGORI JALAN	NOMBOR JALAN	CONTOH
Jalan Persekutuan Utama	1 - 249	5
Jalan Masuk ke Institusi Persekutuan Utama	250 - 499	255
Jalan Persekutuan FELDA	1000 - 2999	1001
Jalan Industri	3000 - 3799	3500
Lebuhraya Bertol	E1 - E38	E20

**Nombor Jalan Negeri**

JALAN NEGERI	NOMBOR JALAN	CONTOH	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB
Selangor	Bermula Huruf 'B'	B5	JKR Selangor
Perak	Bermula Huruf 'A'	A4	JKR Perak
Melaka	Bermula Huruf 'M'	M10	JKR Melaka
Sembilan	Bermula Huruf 'N'	N26	JKR Negeri Sembilan
Johor	Bermula Huruf 'J'	J17	JKR Johor
Pahang	Bermula Huruf 'C'	C6	JKR Pahang
Terengganu	Bermula Huruf 'T'	T10	JKR Terengganu
Kelantan	Bermula Huruf 'D'	D6	JKR Kelantan
Pulau Pinang	Bermula Huruf 'P'	P11	JKR Pulau Pinang
Kedah	Bermula Huruf 'K'	K8	JKR Kedah
Perlis	Bermula Huruf 'R'	R1	JKR Perlis

Sebarang masalah berhubung jalan-jalan negeri,  
sila laporkan terus kepada Pejabat Setiausaha  
Kerajaan Negeri atau Jabatan Kerja Raya bagi  
negeri berkenaan

[Diruruskан Oleh JKR Negeri Yang Berkaitan]

**CAWANGAN KEJURUTERAAN  
MEKANIKAL****PROGRAM  
KURSUS  
REKABENTUK  
SISTEM PENGHAWA  
DINGIN DAN  
PENGUDARAAN  
MEKANIKAL**

TARIKH : 8 - 9 MAC 2017

TEMPAT : CAWANGAN KEJURUTERAAN  
MEKANIKAL, JKR PERAK**PERTANDINGAN PING PONG  
SEMPENA SUKAN JKR SEMALAYSIA**

Jabatan ini telah menjadi Tuan Rumah Pertandingan Ping Pong JKR Perak untuk membuat pemilihan pemain bagi menyertai Sukan JKR SeMalaysia di Terengganu disamping memupuk semangat kesukanan antara kakaitangan dan daerah.

**BENGKEL PELUPUSAN FAIL MENGIKUT  
TATACARA ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TARIKH : 24 MAC 2017

TEMPAT : CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL, JKR PERAK



## PENYERAHAN PROJEK

### PENYERAHAN PROJEK RUMAH SERI KENANGAN SERI ISKANDAR, DAERAH PERAK TENGAH

NAMA PROJEK

: MEMBINA DAN MENYIAPKAN RUMAH SERI KENANGAN, SERI ISKANDAR PERAK

PELANGGAN

: KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

KONTRAKTOR

: HARTA MINDA SDN.BHD

TARIKH SIAP

: 21 APRIL 2017

TARIKH PENYERAHAN : 27 APRIL 2017



### PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN SEMULA KUARTERS JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DI RUMAH SERI KENANGAN TANJUNG RAMBUTAN, PERAK

NAMA PROJEK

: PEMBINAAN SEMULA KUARTERS JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) DI RUMAH SERI KENANGAN TANJUNG RAMBUTAN, PERAK

PELANGGAN

: KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

KONTRAKTOR

: RETROFIT SYSTEM SDN.BHD

TARIKH SIAP

: 6 JANUARI 2017

TARIKH PENYERAHAN : 27 APRIL 2017





**JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK**  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000  
Ipoh, Perak, Malaysia.

Tel: 605-2534041 Faksimili: 605-2415328 Toll Free: 1-800-88-3377  
Email : [webmasterperak@jkr.gov.my](mailto:webmasterperak@jkr.gov.my)

[www.jkrperak.gov.my](http://www.jkrperak.gov.my)